

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1992/93

Oktober/November 1992

HST 424 Kertas Khas dalam Sejarah Indonesia

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DALAM DUA
[2] MUKA SURAT

Jawab EMPAT [4] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Walaupun pendudukan Jepun antara 1942 - 1945 telah menyebabkan keruntuhan penjajahan Belanda di Indonesia, sejauhmanakah masyarakat Indonesia bersiap sedia untuk mengistiharkan kemerdekaan Indonesia pada bulan Ogos 1945?
2. Demokrasi Berparlimen diperkenalkan di Indonesia pada tahun 1950-an bukan oleh kerana Indonesia ingin mengamalkan demokrasi tetapi oleh kerana demokrasi merupakan trend dunia pada masa itu. Bincangkan.
3. Sejauhmanakah dasar ekonomi nasionalis yang diamalkan di Indonesia pada tahun 1950 dan 1960-an disebabkan hanya oleh pengaruh ideology Komunis?
4. Campur tangan Amerika Syarikat dalam pemberontakan P.R.R.I./Permesta telah memberi peluang kepada President Sukarno untuk mengistiharkan Demokrasi Terpimpin? Bincangkan.
5. Setujukah anda bahawa kempen Irian Barat dan Konfrantasi terhadap Malaysia, diperlukan oleh Indonesia untuk memalingkan perhatian rakyat Indonesia daripada masalah-masalah yang dihadapi oleh negara itu?

6. Percubaan rampasan kuasa pada 30 September 1965 di Indonesia lebih mencerminkan konflik dalam tentera dan bukan satu percubaan rampasan kuasa oleh P.K.I.. Bahaskan.
7. Apakah ciri-ciri penting Orde Baru dan sejauhmanakah peralihan kuasa daripada Sukarno kepada Suharto merupakan satu pembaharuan?
8. "Kestabilan politik dan ekonomi di Indonesia hanya dapat dijamin oleh tentera". (Gen. Benny Murdani). Merujuk kepada tahun 1970-an adakah anda setuju dengan kenyataan ini.

-oooO000oo-